

**HUBUNGAN KESELAMATAN SOSIOPOLITIK
MALAYSIA-INDONESIA PASCA
ERA REFORMASI : SATU ANALISA**

NURUL IZYANNI BINTI YAHYA

**SARJANA SAINS
UNIVERSITI PERTAHANAN
NASIONAL MALAYSIA**

2016

**HUBUNGAN KESELAMATAN SOSIOPOLITIK MALAYSIA-INDONESIA
PASCA ERA REFORMASI: SATU ANALISA**

NURUL IZYANNI BINTI YAHYA

Tesis diserahkan kepada Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains (Strategik dan Hubungan Antarabangsa)

OGOS 2016

ABSTRAK

Negara Malaysia dan Indonesia pernah dijajah sebelum mengecapi kemerdekaan. Kedua-dua negara ini secara hakikatnya pernah diikat pemikiran dan tingkah laku yang hanya menurut corak pentadbiran pemimpin negara penjajah. Tempoh kemerdekaan adalah saat dimana kedua-dua negara melalui waktu yang amat mencabar. Hal ini terbukti apabila wujudnya konflik dan konfrontasi antara dua negara ini pasca era reformasi. Era reformasi merujuk kepada era selepas kejatuhan Presiden Suharto pada tahun 1998. Pada ketika ini, hubungan dua hala Malaysia – Indonesia dilihat begitu tegang. Hal ini kerana wujudnya perbezaan ideologi politik dan persefahaman yang tidak sehaluan antara pemimpin serta rakyat yang membawa kepada permasalahan isu sosiopolitik. Pendekatan ‘ala demokrasi’ telah membawa keburukan apabila ia telah mengganggu hubungan keselamatan sosiopolitik Malaysia-Indonesia. Hal ini kerana pendekatan ini lebih menuntut hak serumpun dan kebebasan daripada mementingkan nilai sebagai negara jiran. Maka, wujudnya pelbagai isu yang dijadikan topik utama dalam membicarakan mengenai hubungan keselamatan sosiopolitik pasca era reformasi. Antara isu yang dibangkitkan dalam hubungan keselamatan Malaysia-Indonesia ialah isu pendatang asing, isu kepulauan Ambalat, pemerdagangan manusia, isu batik, lagu rasa sayang, pembakaran hutan, tarian Pendet Bali, beras Adan Krayan, dan tarian reogponorogo. Isu-isu ini dilihat begitu serius dan penting bagi kedua-dua Negara kerana setiap isu dilihat memberi kepentingan dan nilai tersendiri. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif yang berdasarkan sumber primer seperti temuramah, bahan akademik, buku, jurnal, artikel, dan menonton video. Kajian ini dianalisis dengan melihat sejauh manakah kesan isu-isu ini terhadap hubungan keselamatan sosiopolitik Malaysia-Indonesia. Selain itu, teori dimensi keselamatan oleh Barry Buzan digunakan sebagai sumber utama bagi kajian ini. Keseluruhananya, hubungan keselamatan sosiopolitik Malaysia-Indonesia pasca era reformasi masih baik sehingga ke hari ini.

ABSTRACT

Malaysia and Indonesia have been colonized before independence. Both these countries are intrinsically tied ever thought and behaviour patterns that by the colonial administration of the country's leaders. The Independence period was a time when the two countries through a very challenging time. This is prove when conflict and confrontation between the two countries appear after the reform era. Reform era refers to the era after the fall of President Suharto in 1998. At this point, the bilateral relations between Malaysia - Indonesia is seen as very tense. This is because of differences in political ideology and understanding not congenial between the leaders and the people that led to the problem of socio-political issues. Approach 'style democracy' has brought disrepute when it was disturbing socio-political security relations Malaysia-Indonesia. It is because of this approach is more demanding cognate rights and freedom of conscious value as a neighbour. So, there are various issues that were the subject when talk about the relationship between Malaysia-Indonesia socio-political security post reform era. Among the issues raised in relation to the security of Malaysia-Indonesia is the issue of illegal immigrants, Ambalat Island, human trafficking, issues batik, Lagu Rasa Sayang, forest fires, Tarian Pendet Bali, Beras Adan Krayan, and Reogponorogo dance. These issues are viewed as serious and important for both countries because every issue is seen as the importance and value of its own. The method used in this study is a qualitative method that is based on primary sources such as interviews, academic materials, books, journals, articles, and watch videos. The study analyzed how far the impact of these issues on socio-political security relations between Malaysia and Indonesia. In addition, the security dimension theory by Barry Buzan used as the primary sources for this study. Overall, the socio-political security relations between Malaysia-Indonesia post-reform era remain good until today.

PENGHARGAAN

- ❖ Syukur ke hadrat Illahi, Alhamdulillah, *I'M DONE!*
- ❖ Dedikasi untuk yang tersayang...

Setinggi penghargaan diucapkan kepada pensyarah yang banyak membantu, memberi tunjuk ajar dan semangat juang dalam menyiapkan kertas akademik ini, Lt Kol Noor Akmar bin Mohd Noor (B). Terima kasih, tuan.

Begitu juga ucapan tak terhingga yang penuh rasa kasih kepada ibu tercinta, Rozytah binti Hassan dan adik-adik yang menjadi pembakar semangat dalam menamatkan sarjana ini. Sayang semua.

Sebenar penghargaan kepada arwah ayah, Allahyarham Yahya bin Hj Hashim kerana semangatnya masih hidup bersama walaupun jasadnya tiada lagi. Rindu segala-galanya tentang ayah.

Tidak lupa juga kepada seseorang yang telah sama-sama lalui susah perih sepanjang menimba ilmu di menara gading ini. *Thanks* sahabat dunia akhirat, Emilya Elmy binti Mat Deris.

Kepada rakan-rakan yang banyak membantu dan menyokong sepanjang usaha penghasilan tesis ini.
Thanks you all !

KELULUSAN

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Sains (Strategik dan hubungan antarabangsa). Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut.

Lt. Kol Noor Akmar bin Mohd Noor (B)

Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian Strategi

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Penyelia

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

DECLARATION OF THESIS

Author's full name : **Nurul Izyanni Binti Yahya**

Date of birth : **5 October 1989**

Title : **Hubungan Keselamatan Sosiopolitik Malaysia-Indonesia
Pasca Era Reformasi : Satu Analisa**

Academic session : **2012/2013**

I declare that this thesis is classified as:

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the official Secret Act 1972)*

RESTRICTED(Contains restricted information as specified by the organization
where research was done)*

OPEN ACCESS I agree that my thesis to be published as online
open access (full text)

I acknowledge that Universiti Pertahanan Nasional Malaysia reserves the right as follow :

1. The thesis is the property of Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. The library of Universiti Pertahanan Nasional Malaysia has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the copies of the thesis for academic exchange.

891005-10-5824

Noor Akmar Bin Mohd Noor

610110-08-7265

Date:

Date :

Note: *If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period and reasons for confidentiality and restriction.

SENARAI JADUAL

BILANGAN	TAJUK	MUKA SURAT
JADUAL 1	Jumlah pekerja asing di Malaysia mengikut Negara asal, 1998 – 2008	47
JADUAL 2	Statistik Kes Pemerdagangan Orang mulai 2008 – 2012.	67

SENARAI RAJAH

BILANGAN	TAJUK	MUKA SURAT
RAJAH 1	Tahap Analisis Keselamatan	20
RAJAH 2	Kerangka Baru untuk Analisis	21

SENARAI GAMBAR

BILANGAN	TAJUK	MUKA SURAT
GAMBAR 1	Batik Terengganu, Malaysia	50
GAMBAR 2	Batik Bali, Indonesia	50
GAMBAR 3	Batik Thailand	51
GAMBAR 4	Batik China	51
GAMBAR 5	Tarian Pendet Bali	56
GAMBAR 6	Tarian Tor-Tor dan Gondang Sembilan	58
GAMBAR 7	Tarian Kuda Kepang dan Alat muzik Angklung	59
GAMBAR 8	Tarian Reogponorogo	60
GAMBAR 9	Beras Adan Krayan	62
GAMBAR 10	Pembalakan hutan di Indonesia	64
GAMBAR 11	Peta Ambalat	65

SENARAI SINGKATAN

APIMI	Persatuan Pelabur Perladangan Malaysia di Indonesia
AWAM	Persatuan Pergerakan Wanita
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPD	Majlis Perwakilan Wilayah
DPR	Dewan Perwakilan Rakyat
GAM	Gerakan Aceh Merdeka
HAKI	Hak Atas Kekayaan Intelektual
HLWG	Buruh dan Seksual Eksplorasi Perdagangan
IMPOG	Kumpulan Minyak Sawit Indonesia Malaysia
ISWAMI	Ikatan Setia Kawan Wartawan Malaysia-Indonesia
ITB	Institut Teknologi Bandung
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KESBAN	Keselamatan dan Pembangunan
KKN	Korupsi, Kolusi, Nepotisme
KOSGORO	Koperasi Serba Usaha Gotong Royong
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PBB	Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDI	Parti Demokrasi Indonesia
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
SBY	Susilo Bambang Yudhoyono
TLDL	Tentera Laut DiRaja Malaysia
TNI	Tentera Nasional Indonesia
TNKU	Tentera Nasional Kalimantan Utara
TUDM	Tentera Udara DiRaja Malaysia

SENARAI ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Kelulusan	v
Perakuan	vi
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	vii
Senarai Gambar	viii
Senarai Singkatan	ix

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1 - 3
1.2 Pernyataan Masalah	3 - 4
1.3 Hipotesis	4
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Kaedah Kajian	5
1.6 Limitasi Kajian	5
1.7 Kepentingan Kajian	5
1.8 Ulasan Karya	6-9
1.9 Kesimpulan	9-10

BAB 2 : DEFINISI, KONSEP, DAN TEORI

2.1	Pengenalan	11 - 12
2.2	Pendefinisian Tajuk Kajian	12 - 14
2.3	Konsep Serumpun	14 – 15
2.4	Keselamatan nasional	15 - 16
2.5	Konsep Keselamatan Nasional	16 - 17
2.6	Teori Dimensi Keselamatan	18
2.6.1	Tahap Keselamatan	19 - 20
2.6.2	Sektor Keselamatan	21
	2.6.2.1 Sektor Ketenteraan	22 - 24
	2.6.2.2 Sektor Ekonomi	24 - 26
	2.6.2.3 Sektor Persekutuan	26 - 28
	2.6.2.4 Sektor Sosial	28 - 30
	2.6.2.5 Sektor Politik	30 - 31
2.7	Pendapat ataupun Kritikan Ahli Teori mahupun Penulis Lain mengenai Idea, Konsep, dan Agenda Keselamatan	31 - 35
2.8	Kesimpulan	36 - 37

BAB 3 : PEMERHATIAN, FAKTA, DAN PENGUMPULAN DATA

3.1	Pengenalan	38 - 39
3.2	Hubungan Pra Era Reformasi (1961-1966)	39 - 42
3.3	Isu Keselamatan Sosiopolitik Pasca Era Reformasi	
3.3.1	Isu Pekerja Asing	43 - 47
3.3.2	Isu Seni dan Budaya	
3.3.2.1	Penciptaan Batik	48 - 51
3.3.2.2	Lagu Rasa Sayang	52 - 53
3.3.2.3	Tarian Pendet Bali	54 - 56
3.3.2.4	Tarian Kuda Kepang, Alat Muzik Angklung, Tarian Reogponorogo, Tor-Tor dan Gondang Sembilan	57 - 60
3.3.2.5	Beras Adan Krayan	61 - 62
3.3.3	Isu Pembakaran Hutan	62 - 64
3.3.4	Isu Pertikaian Ambalat	64 - 65
3.3.5	Isu Pemerdagangan Manusia	66 - 67
3.4	Kesimpulan	67 - 68

BAB 4 : ANALISA DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	69 - 70
4.2	Isu Blok Ambalat	
4.2.1	Faktor	71
4.2.2	Kesan dan Masalah	72 - 73
4.2.3	Penyelesaian	73 - 75
4.2.4	Analisa dan Perbincangan	76 - 80
4.3	Isu Pemerdagangan Manusia	
4.3.1	Faktor	81 - 83
4.3.2	Kesan dan Masalah	83 - 84
4.3.3	Penyelesaian	84 - 86
4.3.4	Analisa dan Perbincangan	86 - 88

4.4	Isu Pekerja Asing	
4.4.1	Faktor	89 - 90
4.4.2	Kesan dan Masalah	91 - 92
4.4.3	Penyelesaian	92 - 95
4.4.4	Analisa dan Perbincangan	95 – 98
4.5	Isu Seni dan Budaya	
4.5.1	Faktor	98 - 101
4.5.2	Kesan dan Masalah	102 - 103
4.5.3	Penyelesaian	103 - 106
4.5.4	Analisa dan Perbincangan	106 - 109
4.6	Isu Jerebu	
4.6.1	Faktor	110 - 111
4.6.2	Kesan dan Masalah	111 - 112
4.6.3	Penyelesaian	113 - 115
4.6.4	Analisa dan Perbincangan	115 - 116
4.7	Kesimpulan	117 - 118

BAB 5 : KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	119 - 122
5.2	Kerjasama	123 - 130
5.3	Cabarani	130 - 131
5.4	Kesimpulan	131 - 132

RUJUKAN	133 - 139
----------------	-----------

BAB I

PENDAHULUAN

“Salah satu daripada peranan utama negara ialah memberikan keamanan dan keselamatan untuk rakyatnya di dalam negara bangsa dan memastikan perlindungan mereka daripada ancaman luaran”.

1.1 PENGENALAN

Malaysia dan Indonesia merupakan antara negara berjiran yang mempunyai kedudukan dan geo-strategik yang penting di rantau Asia Tenggara. Kedua-dua buah negara ini mempunyai banyak persamaan daripada pelbagai aspek seperti warisan, pegangan agama, bahasa mahupun dialek serta budaya. Secara hakikatnya, Malaysia dan Indonesia tidak pernah berperang secara terbuka, tetapi tidak pula dinafikan bahawa tidak pernah wujud konflik mahupun perselisihan faham antara kedua-dua negara ini seperti konfrontasi yang pernah berlaku pada tahun 1998. Konflik yang wujud sejak dari dulu ini mungkin mampu menjasakan hubungan keselamatan antara Malaysia dan Indonesia. Hubungan yang terjalin sekian lama ini kadang kala dapat dilihat seperti ombak yang sentiasa berubah, ada pasang dan surutnya, mengikut musim atau pun keadaan sekitar. Perumpamaan ini dilontarkan kerana hubungan dua hala tersebut berubah mengikut peredaran masa, perwatakan ideologi serta pembentukan dasar luar

sesebuah negara yang dilaksanakan oleh pemimpin bagi kedua-dua negara itu. Jika diimbas kembali, sering terpapar di media elektronik, dan media massa bahawasanya peristiwa dan krisis yang berlaku antara negara ini telah melewati kerangka keselamatan yang amat penting dalam mengekalkan kesejahteraan dan meningkatkan persefahaman seperti mana yang dituntut oleh semua negara terutamanya negara-negara ASEAN. Sediakala yang diketahui, isu-isu keselamatan pasti menjadi tarikan dan perhatian utama tidak kira dalam kalangan pemikir-pemikir strategi, pengamal keselamatan, pegawai-pegawai kerajaan, ahli perniagaan mahupun rakyat kebanyakan. Kewujudan isu-isu seperti ini pastinya memberi kesan kepada negara baik Malaysia mahupun Indonesia. Dalam merungkaikan keamanan hubungan keselamatan ini, sudah semestinya wujud persoalan berpaksikan apakah ada sumber-sumber relevan dan jalan penyelesaian dalam mengekalkan keharmonian masa kini? Hubungan Malaysia dengan negara-negara jiran di rantau Asia ini pada dasarnya adalah baik dan kukuh. Konsep kerjasama yang ditubuhkan seperti ASEAN sedikit sebanyak telah mempengaruhi dan memberi implikasi yang positif kepada negara-negara terlibat. Namun begitu, peristiwa hitam dan keretakan yang terlakar secara tidak langsung akan memberi impak kepada keselamatan nasional masing-masing. Hubungan keselamatan antara Malaysia dan Indonesia khususnya, menampakkan kekeruhan sebelum wujudnya era reformasi dan terancam selepas era reformasi.

Rumpun Melayu di Nusantara ini, mempunyai taburan penduduk Melayu di Malaysia, Indonesia, Selatan Filipina, dan Selatan Thailand yang mana sebahagian besarnya apabila diperkatakan Melayu ia terjurus kepada bangsa Melayu di Indonesia dan Malaysia. Persamaan dalam rumpun bangsa ini dilihat begitu setara juga ada di antaranya boleh dikatakan sama daripada aspek warisan, pegangan agama, bahasa, dan budaya. Walaubagaimanapun, sempadan negara telah memisahkan bangsa ini kepada negara Indonesia dan Malaysia yang mengamalkan tatasusila politik yang berbeza. Sungguhpun demikian pada masa ini dikatakan sama, tetapi ia dipraktikkan dalam perspektif yang berbeza. Hubungan keselamatan bangsa serumpun ini telah terjalin sekian lama semenjak Parameswara mlarikan diri ke semenanjung bagi menujuhan negara bangsa. Jatuhan bangun empayar Melayu adalah hasil daripada ketidakseimbangan faktor keselamatan di antara suku kaum bangsa Melayu. Sehingga kini, kedua-dua negara mengamalkan sebuah negara moden yang berteraskan demokrasi. Hubungan sebelum era reformasi telah menjadi sejarah dan jelas diperkatakan tetapi dimensi di era

selepas reformasi hingga kini menjadi perbualan dan isu hangat diperkatakan. Hal ini adalah ekoran daripada perubahan pemikiran rakyat di Indonesia.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Dalam era sebelum Reformasi ini merujuk kepada tempoh selepas kemerdekaan di mana Indonesia berada di bawah pimpinan Presiden Sukarno yang bersandarkan ideologi politik sosialis bermiripkan komunisme. Negara Malaysia pula ketika itu di bawah pimpinan Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang berpegang pada ideologi demokrasi iaitu seakan pro barat. Konflik kecil telah pun wujud kerana perbezaan ideologi politik antara kedua-dua negara sedangkan konsep serumpun menjadi pengimbang dan tunggak utama dalam hubungan antara Malaysia dan Indonesia sehingga ke hari ini. Konsep serumpun inilah yang mengukuhkan hubungan negara berjiran ini. Negara Indonesia kemudiannya dipimpin oleh Presiden Suharto yang berdasarkan rejim ketenteraan ataupun authoritarian selama 3 dekad. Tempoh ini adalah cabaran paling hebat bagi rakyat Indonesia kerana pelbagai masalah telah wujud yang memberi kesan besar terhadap politik, ekonomi, dan sosial negara Indonesia. Formula atau agenda utama yang di amalkan pada era ini ialah KKN, iaitu korupsi, kolusi, nepotisme (corruption, collusion, nepotism).

Pasca era reformasi dilihat sebagai ‘era kebebasan’ atau ‘ala demokrasi’ bagi rakyat di Indonesia. Setelah lamanya berada di bawah pimpinan Presiden Suharto yang kuku besi itu, akhirnya pada 21 Mei 1998, beliau mengumumkan perletakan jawatan selepas kegagalan rejim ketenteraan yang berleluasa. Perletakan jawatan beliau yang didorong oleh krisis ekonomi yang dahsyat, membuka pintu untuk perubahan politik dan menimbulkan harapan yang tinggi tentang kebebasan berpolitik dan pemulihian ekonomi. Kebanyakan rakyat Indonesia meraikan pengakhiran rejim Suharto dan menganggap ianya sebagai satu petanda yang baik. Hal ini kerana pemerintahan authoritarian yang dilaksanakan oleh Suharto telah memberi impak yang besar kepada kerajaan Indonesia serta rakyatnya. Metodologi pemerintahan pada masa ini hanya bertulang belakangkan rejim ketenteraan. Maka disebabkan itu, rakyat telah menuntut pelbagai perubahan terutamanya daripada aspek pemerintahan rejim ketenteraan kepada demokrasi. Situasi ini digelar sebagai ‘era reformasi’ yang merupakan satu keadaan di

mana telah menggambarkan rakyat menuntut perubahan dalam pentadbiran kerajaan dan pengembalian keadaan dalam aspek sosial.

Makanya, pernyataan masalah bagi kajian ini ialah apakah demokrasi ‘ala Indonesia’ yang dipamerkan membawa kebaikan mahupun keburukan terhadap hubungan keselamatan sosiopolitik antara Malaysia dan Indonesia. Kajian ini akan mengupas perihal, 1) Keadaan dan sejarah pra era reformasi yang akan dipaparkan pada bab awal kajian ini 2) Isu dan permasalahan yang wujud pasca era reformasi antara Malaysia dan Indonesia. Isu – isu yang wujud antara negara ini adalah melibatkan sektor keselamatan sosial dan politik yang membawa kesan kepada politik sesebuah negara seperti yang telah digariskan oleh Barry Buzan, Jaap De Wilde dan Ole Waever dalam buku bertajuk, “*Security : A New Framework for Analysis*”.

1.3 HIPOTESIS

Kebebasan berfikir yang baru dikecapi oleh rakyat Indonesia menjadikan mereka melangkau lebih jauh daripada sebelum ini bagi membentuk demokrasi ‘ala Indonesia’. Demokrasi yang dimiliki membawa kepada perubahan terhadap hubungan antara Malaysia dan Indonesia. Maka, hipotesis bagi kajian ini ialah hubungan keselamatan Malaysia-Indonesia masih baik walaupun sedikit goyah pasca era reformasi.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini:

- i) Mengkaji isu yang menjadi faktor utama kerenggangan hubungan antara Malaysia dan Indonesia bermulanya era reformasi, 1998.
- ii) Menghuraikan isu daripada perspektif keselamatan sosiopolitik berdasarkan dimensi keselamatan Barry Buzan, kesan, dan pengurusan isu ini.

1.5 KAEDAH KAJIAN

Dalam melaksanakan kajian ini, kaedah kualitatif meliputi *library research* dan *analytical research* seperti analisis catatan sejarah, catatan nota dan menonton filem serta analisis dokumen seperti manipulasi statistik, data dan panduan abstrak akan digunakan. Selain itu, sumber sekunder juga digunakan seperti carian melalui laman sesawang, jurnal, akhbar, dan penulisan akademik.

1.6 LIMITASI KAJIAN

Kajian bermula daripada sejarah hubungan keselamatan Malaysia- Indonesia, hadnya meliputi sektor keselamatan sosio-politik pasca era reformasi, iaitu bermula pada tahun 1998 dalam konteks keselamatan nasional.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Terdapat tiga kepentingan utama dalam melaksanakan kajian ini:

- i) Pendedahan kepada masyarakat terutamanya mengenai isu dalam hubungan keselamatan negara berjiran ini sejak munculnya era reformasi.
- ii) Sebagai landasan terhadap ilmu dalam bidang pengajian ini mahupun bidang yang berkaitan.
- iii) Sebagai bahan rujukan akademik pada masa akan datang sama ada kepada pelajar dan ahli akademik lain.

1.8 ULASAN KARYA

Terdapat banyak hasil penulisan dan penyelidikan yang telah diterbitkan dalam bentuk buku dan jurnal mengenai hubungan Malaysia-Indonesia daripada pelbagai aspek termasuklah sejarah hubungan dua hala Negara berjiran ini, sama ada sebelum, semasa dan selepas era reformasi.

1.8.1 Kajian yang dijalankan oleh Barry Buzan (1991), adalah untuk menjelaskan aspek teori dan konsep sebagai satu bidang baru bagi pengajian keselamatan antarabangsa. Dalam kajian ini, didapati aspek keselamatan telah diperluaskan kepada ekonomi, sosial, persekitaran dan keselamatan di mana politik masih menjadi aspek keselamatan utama. Kajian ini amat penting untuk menunjukkan bahawa wujudnya aspek keselamatan bukan tradisional dan bagi menganalisa kajian akademik ini.

1.8.2 Kajian yang dijalankan oleh Barry Buzan, Ole Waever, dan Jaap Wilde (1998), adalah untuk memaparkan satu rangka baru yang komprehensif bagi pengajian keselamatan. Dalam kajian ini, didapati pendekatan baru ini adalah bertujuan memperluaskan agenda keselamatan yang mana dituntut dengan persoalan status keselamatan bagi sesuatu isu dan objek rujukan dalam ekonomi, persekitaran, dan sektor sosial seperti mana sektor ketenteraan-politik yang didefinisikan sebagai pengajian keselamatan tradisional. Akibatnya, perbandingan antara pendekatan yang baru (teori dimensi) dan lama (teori kompleks) turut diperincikan dalam buku ini. Kajian ini amat penting untuk kerangka analisis dalam kajian akademik ini.

1.8.3 Kajian yang dijalankan oleh Nor Azizan Idris (2005), adalah untuk mendedahkan bahawa wujudnya satu isu yang paling penting dan mendesak dalam hubungan antara Malaysia dan Indonesia. Dalam kajian berkenaan, didapati isu PATI (pendatang tanpa izin) merupakan isu yang mengganggu hubungan dua hala Malaysia-Indonesia. Dalam kajian ini juga dinyatakan bahawa faktor yang mempengaruhi hubungan Malaysia-Indonesia ialah faktor persaudaraan, konsep rumpun melayu, faktor geografi, dan Indonesia merupakan negara yang mempunyai saiz dan jumlah penduduk yang besar. Isu PATI ini didapati semakin serius bermula pada tahun 1998. Kajian

mendapati isu PATI merupakan punca konflik dalam hubungan keselamatan sosiopolitik Malaysia-Indonesia.

1.8.4 Kajian yang dijalankan oleh Baiq L.S.W Wardhari (2008), adalah untuk mengenalpasti beberapa masalah yang membawa kepada kemerosotan hubungan dua hala Malaysia-Indonesia selepas era Suharto. Kajian ini mendapati bahawa terdapat pelbagai isu yang memberi kesan terhadap hubungan kedua-dua Negara. Antara isu tersebut ialah isu PATI, masalah persekitaran, masalah sempadan, masalah jenayah, dan masalah kesamaan dan tuntutan seni budaya. Kajian juga mendapati antara faktor yang membawa kepada masalah ini ialah kehancuran ekonomi, sosio-budaya, politik, dan faktor strategik.

1.8.5 Kajian yang dijalankan oleh Joseph Chinyong Liow (2004) mendapati bahawa migrasi warga Indonesia ke Malaysia merupakan satu situasi yang besar di Asia Tenggara dan kerajaan Malaysia menganggap pendatang haram sebagai ancaman terhadap keselamatan nasional. Dalam kajian berkenaan, didapati masalah keselamatan di Indonesia bermula dengan penghijrahan populasi yang mana terdiri daripada pendatang haram, krisis politik, kemiskinan, dan konflik ketenteraan. Pendatang Indonesia dilihat dengan jelas telah membawa kesan negatif seperti peningkatan kadar jenayah dan dipersalahkan terhadap masalah sosial yang telah membebangkan Malaysia. Kajian juga mendapati pendatang haram ini telah dikatakan menyebarkan deviant dalam pengajaran islam di kalangan masyarakat Melayu-Muslim. Kabinet Menteri Malaysia mengemukakan penyebaran ajaran kristian di kalangan populasi Melayu oleh sebahagian warga Indonesia sebagai “ancaman besar yang dihadapi Muslim di Malaysia hari ini”. Kajian mendapati migrasi merupakan satu isu yang menjadi potensi ancaman besar terhadap Malaysia.

1.8.6 Kajian yang dijalankan oleh Joseph Chinyong Liow (2005), adalah untuk mendedahkan mengenai sejarah hubungan Indonesia – Malaysia sekitar tahun 1981 sehingga tahun 2000. Dalam kajian berkenaan, didapati terdapat isu-isu utama yang menjadi ketegangan hubungan politik antara Malaysia dan Indonesia. Antara isu-isu tersebut ialah isu PATI, cadangan Malaysia bagi penubuhan perdagangan serantau dan badan ekonomi baru, kewujudan kembali isu perebutan wilayah dan isu migrasi

yang sememangnya telah lama berlaku yang mana membawa interaksi dan pertukaran identiti serantau, terutamanya era sebelum penjajahan.

1.8.7 Kajian yang dijalankan oleh Ariel Heryanto dan Sumit K.Mandal (2003), adalah untuk menekankan pegangan autokrasi dan demokrasi dalam dinamik politik bagi Negara berjiran ini terutamanya pada tahun 1990. Hal ini bermaksud, terdapat perbezaan penting antara Indonesia dan Malaysia ialah disebabkan pertukaran daripada perundangan penjajahan kepada kemerdekaan (pada 1945 dan 1957 masing-masing) apabila bentuk *autoritarianisme* yang bertentangan telah dimulakan di setiap negara. Kajian juga mendapati keadaan politik seperti ini telah mewujudkan tindakan reformasi seperti laungan politik dan konfrontasi ganas. Selain itu, Indonesia telah dipengaruhi oleh perkara lain dalam konteks menguruskan ketegangan etnik dan kesamaan politik serta ekonomi.

1.8.8 Kajian yang dilaksanakan oleh Vedi R.Hadiz (2003), adalah untuk membincarkan mengenai penilaian terhadap hubungan negara dan pekerja di Indonesia, tekanan daripada rangka kerja yang diterajui sejak kejatuhan Suharto, dan keputusan yang tinggi jangkaan daripada Reformasi dan Demokrasi. Kajian mendapati, semenjak berlakunya demokrasi di Indonesia, penilaian harus dibuat terhadap bagaimana pekerja diadili. Hal ini kerana telah wujudnya perubahan politik secara meluas yang memberi kesan terhadap konteks krisis ekonomi. Kajian juga mendapati bahawasanya kesan krisis ekonomi dan reformasi sangat serius berlaku di Indonesia khususnya dan Malaysia amnya. Kajian ini amat penting untuk menganalisis kesan reformasi terhadap dua Negara ini.

1.8.9 Kajian yang dijalankan oleh Djoko Harmantyo adalah untuk mendedahkan bahawa wujudnya isu sempadan wilayah antara Malaysia dan Indonesia. Kajian mendapati isu Ambalat merupakan konflik segera Indonesia wilayah lebih sempadan perairan laut. Dalam kajian ini juga menyatakan bahawa masalah wilayah Ambalat timbul pertamanya apabila Malaysia mendakwa Ligitan dan Sipadan adalah di bawah bidang kuasa mereka berdasarkan kepada Mahkamah Antarabangsa dan akuan Keadilan pada tahun 2002.

1.8.10 Kajian yang dijalankan oleh Gatut Budiono dan Aryanto Vincent, mendapati pakaian batik merupakan warisan budaya kebangsaan Indonesia dan merupakan penyumbang terbesar ekonomi terhadap pembangunan negara itu. Dalam kajian berkenaan, didapati masalah kekurangan hak milik untuk pelaksanaan telah menyebabkan kehilangan pendapatan serta pemilikan secara sah.

1.9 KESIMPULAN

Penulisan bab ini adalah penting kerana ia merupakan tunjang utama kepada tajuk kajian yang dikaji. Penulisan bab ini juga memberi gambaran bagaimana kajian dijalankan dan menunjukkan pernyataan masalah, hipotesis, limitasi dan objektif kajian secara menyeluruh. Dalam melaksanakan kajian ini, pembahagian bab akan di paparkan bagi melihat gambaran awal tentang kajian dalam setiap bab dan berikut merupakan bab yang akan dilaksanakan:

- a. Bab 2: Bab dua pula adalah bahagian untuk membincangkan perihal definisi, konsep, dan teori yang akan dijadikan sandaran dan pengukuhan dalam menjalankan kajian ini. Bab ini sangat penting kerana tanpa pembangunan teori, kajian yang dijalankan akan terlihat tidak jelas dan kemungkinan banyak persoalan timbul mengenai kesasihannya. Bab ini mempamerkan penerangan mengenai teori kompleks klasik dan teori dimensi keselamatan yang kedua-duanya dipelopori oleh Barry Buzan. Dalam bab ini juga akan diterangkan mengapa teori dimensi dijadikan rujukan bagi kajian ini. Di samping itu juga, rumusan penataran teori ini akan menjurus kepada kerangka pemerhatian dan kutipan data yang perlu di bab tiga dan sebagai asas analisa di bab empat.
- b. Bab 3: Bab ini memfokuskan kepada pemerhatian isu-isu sebelum, semasa dan selepas era reformasi bagi kedua-dua negara. Isu yang dikaji adalah meliputi keseluruhan sektor keselamatan yang memberi kesan terhadap hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia.

- c. Bab 4: Bab empat yang menjadi bahagian paling penting dalam kajian. Hal ini kerana bab ini merupakan bahagian di mana analisa akan dilaksanakan berdasarkan penulisan di bab dua dan tiga. Analisa isu yang dilaksanakan berdasarkan pemerhatian, fakta, dan data beserta konsep dan teori. Daripada analisa ini, barulah hipotesis dapat dibuktikan.
- d. Bab 5: Bab lima merupakan bab terakhir dalam penulisan yang akan menyimpulkan keseluruhan hasil kajian ini. Bab ini akan menjawab persoalan di bab satu mengenai permasalahan dalam hubungan keselamatan Malaysia – Indonesia pasca era reformasi dan kesemua bab secara menyeluruh.

BAB II

TEORI, KONSEP DAN DEFINISI

2.1 PENGENALAN

Definisi, konsep, dan teori merupakan perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam melaksanakan sesuatu kajian. Perkara ini adalah merupakan tunjang utama dalam bab dua bagi kajian ini dan kesinambungan bagi bab seterusnya. Pendefinisian tajuk kajian adalah penting kerana ia menggambarkan perihal kajian tersebut. Hal ini kerana setiap definisi tajuk dan terma mempunyai maksud tersirat yang perlu dirungkaikan sebelum melangkah lebih jauh bagi mendalami dan meneruskan sesuatu kajian. Tanpa pendefinisian yang jitu, kekeliruan mengenai sesuatu kajian itu pasti berlaku. Seterusnya perihal teori yang dijadikan sandaran dalam kajian ini. Apakah persoalan sesuatu kajian itu terjawab jika tiada sebarang teori mahupun konsep yang disandarkan kepadanya? Sudah tentu tidak kerana teori akan menjadi pegangan atau pun ideologi bagi mengukuhkan kajian akademik ini. Apakah relevannya teori itu kepada kajian yang sedang atau telah dikaji sehingga ke hari ini? Relevan penggunaan teori adalah melihat kepada peralihan masa dan kesesuaian keadaan pada satu-satu tempoh itu. Hal ini bermaksud, teori dimensi ini digunakan bagi menganalisis isu-isu yang telah lama wujud, namun masih tidak menemui jalan penyelesaiannya. Walaubagaimanapun, dalam menghuraikan penggunaan teori dalam sesuatu kajian itu, erti kata teori itu perlu di fahami terlebih dahulu. Teori ialah satu set pernyataan mengenai hubungan yang dijangka di antara pembolehubah. Keberkesanan teori “berhubung” antara dua